

Lazimnya lulusan pendidikan madrasah akan membina kerjaya dalam bidang pendidikan agama setelah tamat pengajian. Namun beberapa lulusan pengajian agama meneroka di luar bidang itu tanpa melupakan tanggungjawab berkongsi pengetahuan. **SUHAIMI MOHSEN** (suhaimi@sph.com.sg) melaporkan.



BUKA SYARIKAT UBAH ELOK: Bermula dengan pemasangan jubin jenis vinil sendiri, Ustaz Sayid Amin Jasin Amin Sahib menubuhkan syarikat ubah elok tetapi masih menyempatkan masa berkongsi pengetahuan agama. – Foto ihsan SAYID AMIN JASIN AMIN SAHIB

Jadi pakar IT, terus sampaikan ilmu agama

MENANGANI masalah komputer menjadi tugas harian dua azatizah yang memiliki ijazah agama dan kini bertugas dalam bidang teknologi maklumat (IT).

Ustaz Aarif Razif, 31 tahun, kini bertugas sebagai Service Desk Engineer di syarikat AT&T dan Ustaz Jahidin Jemain, 33 tahun, sebagai Desk Top Engineer di sebuah syarikat lain.

Namun, kedua lulusan Universiti Al-Azhar itu masih memanfaatkan pengetahuan agama yang ditimba, dengan mengajar pada setiap Ahad di madrasah Masjid Tentera dan rumah ke rumah.

Ustaz Jahidin berkata beliau telah lama meminati bidang IT.

Selepas meraih ijazah dalam bidang Usuludin dan Tafsir, beliau mengikuti kursus Sijil Lanjutan dalam Bidang IT selama enam bulan.

“Apabila ada peluang, saya masuk ke bidang ini,” kata beliau.

Menurutnya, ramai juga pelajar asal madrasah “keluar daripada zon selesa” menceburi kerjaya di luar bidang mengajar agama.

“Ia menunjukkan pelajar madrasah boleh dan mempunyai peluang yang sama dengan mengambil kursus tambahan,” ujar beliau.

Gabungan pengetahuan IT dan agama, kata beliau, boleh mendatangkan manfaat lebih luas.

“Sekarang kita lihat banyak masjid menggunakan komputer dan alat pandang dengar canggih dan masih boleh meneroka penggunaan teknologi supaya dapat berfungsi dengan lebih berkesan,” tambahnya.

Walau kini dalam IT, Ustaz Jahidin berkata pengetahuan agama tetap penting dalam kehidupan.



PINDAH BIDANG: Walau kini menyertai bidang IT, Ustaz Jahidin Jemain (kiri) dan Ustaz Aarif Razif masih mengajar pada hujung minggu. – Foto-foto SUHAIMI MOHSEN

“Kalau tidak menyampaikan, kita masih boleh mempraktikkan dan menjadi sebahagian dakwah kita,” ujarnya.

Ustaz Aarif yang mempunyai minat serupa memimba sendiri pengetahuan dalam bidang itu dan malah menjadi ‘IT person’ (pakar IT) di kalangan pelajar Singapura semasa menuntut di Universiti Al-Azhar di Mesir.

Setelah pulang dengan ijazah dalam bidang Syariah, beliau cuba mendapatkan kerja sesuai di masjid untuk berbakti kepada masyarakat.

Selepas mencuba dua bulan, beliau berpindah ke ‘pelan B’ – meninjau kursus yang boleh diambil.

Beliau mengikuti kursus diploma sepenuh masa dalam bidang IT di Institut Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS), mendapat kerja dalam bidang IT dan menyambung pelajaran bagi Diploma lanjutan. Beliau baru sahaja selesai pengajian ijazah dalam bidang keselamatan komputer di MDIS.

“Walaupun kini dalam bidang IT, kami tidak mahu melepaskan peluang mengajar bidang agama, berkongsi pengetahuan dengan masyarakat. Ia membolehkan kami mengulang kaji dan terus menggali ilmu.”

“Kami berasa ia menjadi tang-

gungjawab bagi lulusan bidang agama menyampaikan ilmu, walau secara sambilan,” kata Ustaz Aarif sambil menambah bahawa pengetahuan agama juga penting dalam menjaga hubungan, amanah dan disiplin sebagai pekerja.

Menurut Ustaz Jahidin dan Ustaz Aarif, lulusan pengajian Islam kini mempunyai lebih banyak peluang kerja – dalam industri halal, agensi tuisyen, kewangan Islam, pelancongan, perhubungan awam, penyelidikan di samping di masjid, pertubuhan dan institusi agama.

“Mereka perlu tambah kemahiran dengan mengikuti kursus sesuai,” kata Ustaz Aarif.

Beliau menambah bahawa sejak dulu ramai ulama Islam pakar dalam pelbagai bidang termasuk kedokteran dan kaji bintang. Namun, perkembangan zaman seolah-olah memisahkan pengajian sekular dan ukhrawi.

“Azatizah kena cari bagaimana satukan pengetahuan ‘moden’ dan agama supaya boleh semakin maju,” kata beliau.

Generasi sekarang lebih terbuka dan berani mencuba bidang lain dan ini membuka lebih ruang bergaul dan berkongsi pengajaran, kata beliau sambil menambah bahawa ia satu perkembangan baik.

Ceburi bidang niaga supaya dapat kongsi ilmu secara percuma

Ustaz Sayid Amin kendali syarikat, masih sampaikan pengetahuan agama

MAHU menyampaikan ilmu agama secara percuma.

Hasrat itu mendorong Ustaz Sayid Amin Jasin Amin Sahib, 41 tahun, mengusahakan sumber pendapatan sebagai kontraktor ubah elok.

Beliau kini dapat memenuhi hasrat tersebut.

Walau ada pihak yang mahu terus memberi bayaran bagi syarahan kerana urusan audit, Ustaz Sayid Amin menyalurkan pendapatan itu kepada pihak yang lebih memerlukan.

Pemilik Aminov Services Aminov itu berkata sejak awal beliau menanam hasrat itu kerana pernah menerima pendidikan percuma.

Anak ke-12 daripada 14 adik-beradik itu berpendidikan sekolah sekular sehingga menengah dua sebelum berpindah ke Madrasah Aljunied dan memasuki darjah empat. Semasa di menengah tiga di madrasah itu, beliau mendapat biasiswa melanjutkan pelajaran di Kuwait selama lima tahun dan meraih diploma.

Beliau kemudian mengajar di Madrasah Al-Arabiah dan bekerja sebagai teknisyen sebelum menyambung pengajian di Universiti Madinah selama lima tahun secara percuma, dan meraih ijazah dalam bidang Dakwah dan Usuludin.

Setelah pulang, beliau mengajar di Madrasah Wak Tanjong, kemudian menjadi pensyarah di Institut Pengajian Tinggi Al-Zuhri, pengetua madrasah di Masjid An-Nur sebelum berpindah ke Masjid Ar-Raudhah.

“Saya bercita-cita mengajar secara percuma tetapi ketika itu belum

dapat melaksanakannya kerana belum ada pendapatan lain yang boleh menampung keluarga,” kata bapa empat anak itu.

Semasa menuntut di Madinah, beliau melihat beberapa pensyarah mengajar di situ tanpa mengambil gaji. Peruntukan gaji disalurkan kepada yang memerlukan.

“Saya cemburu lihat orang kaya menggunakan harta membantu orang lain,” ujarnya yang kemudian mencari saluran yang mungkin-kannya berbuat demikian.

Ustaz Sayid Amin, yang pernah bercita-cita menjadi arkitek, menjadi kontraktor secara kebetulan.

Beliau memasang sendiri jubin lantai jenis vinil rumahnya untuk menjimatkan wang. Saudara-mara yang berketurunan tertarik dan memintanya memasang lantai serupa di rumah mereka.

Dari situ, usahanya berkembang. Beliau kemudian membuka syarikat dan kini menjadi kontraktor ubah elok, termasuk pembikinan kabinet dapur.

Daripada pendapatan sekadar mencukupi buat keluarga semasa bekerja, beliau kini berupaya menyetor simpanan dan dapat menyumbang dalam pelbagai projek kebajikan.

Beliau masih mengajar bagi program Diploma Andalus dan menyampaikan kuliah subuh dan maghrib di beberapa masjid.

“Saya berasa bersalah kalau tidak mengajar dan mencari ruang untuk mengajar,” ujarnya.

Walau tidak mengajar sepenuh masa, beliau berkata pengetahuan agama penting bagi disiplin diri dan bimbingan keluarga.

“Lain orang lain sumbangannya. Agama adalah nasihat dan ruang dakwah bukan hanya dalam kelas. Kita masih boleh menyampaikan di rumah orang atau klien, dan menyokong pelbagai usaha, membantu golongan memerlukan di dalam dan luar negara.”

“Agama adalah nasihat dan ruang dakwah bukan hanya dalam kelas. Kita masih boleh menyampaikan di rumah orang atau klien, dan menyokong pelbagai usaha, membantu golongan memerlukan di dalam dan luar negara. Tujuannya ialah dakwah.”

– Ustaz Sayid Amin Jasin Amin Sahib

“Tujuannya ialah dakwah,” ujar beliau.

Isterinya, juga lulusan madrasah, berniaga pakaian Muslimah di Junction 9 di Yishun.

Ustaz Sayid Amin, yang memiliki kilang kayu di Johor bagi pembikinan kabinet, gembira kerana di samping dapat terus mengajar agama, beliau dapat melakukan ibadah lain seperti berzakat di samping membantu golongan memerlukan.

Beliau mahu melangkah lebih jauh dalam perniagaan, termasuk membantu mengembangkan perniagaan isterinya, di samping terus berkongsi pengetahuan agama.

Buka syarikat salurkan pengetahuan dan menyentuh hati

BELIAU cenderung memimba pengetahuan agama, mengusahakan perniagaan dan mahu menyentuh hati manusia.

Gabungan kecenderungan itu mendorong Ustaz Ahmad Muzammil Shukri, 32 tahun, membuka dua syarikat – satu bercorak pendidikan agama, dan satu lagi bercorak keusahawanan sosial.

Selepas menggenggam Diploma daripada Politeknik Singapura dalam bidang kejuruteraan mekanikal, anak kelima daripada tujuh beradik yang meminati bahasa Arab bagi memahami Al-Quran itu belajar di sebuah mahad tahfiz selama setahun setengah.

Beliau kemudian diterima masuk ke Universiti Ummul Qura di Makkah dalam bidang mengajar bahasa Arab kepada orang bukan Arab – suatu yang dirasakan sesuai dalam konteks Singapura.

Setelah pulang, beliau mendapatkan pengalaman bekerja dan berkhidmat di Andalus selama dua tahun sebagai pensyarah bagi kursus posmenengah (diploma).

Namun minat berniaga kerana melihat bapanya mengusahakan pendapatan sendiri sebagai tukang gunting, di samping mahu mengamalkan sunah nabi sebagai peniaga bagi menyera keluarga, bapa dua anak berusia dua dan enam tahun itu membelanjakan \$6,000 mengikuti kursus keusahawanan.

Beliau juga mengikuti kursus lain seperti Sijil Lanjutan bagi Latihan dan Penilaian di bawah WDSQ.

Hasilnya, beliau membuka syarikat Arabic Lab Sg menganjurkan kursus bahasa Arab dan mengaji untuk orang dewasa; dan syarikat Imtiyaz Services yang mengusahakan projek kebajikan dan bantuan kepada masyarakat yang memerlukan di Kemboja, India dan Indonesia.

“Minat saya ialah perniagaan dan mengusahakan sesuatu yang menyentuh hati manusia.”

“Untuk menggabungkan keduanya, saya buka syarikat yang ada unsur pendidikan dan unsur kemanusiaan,” kata beliau.

Ustaz Ahmad Muzammil akur agak payah mendapat pekerjaan selepas meraih ijazah dan ini menjadi pengajaran kepadanya – jangan terlalu bergantung pada orang.

“Dalam dunia yang canggih dan pesat, kita kena rajin, kreatif dan langkapkan diri dengan kemahiran,” ujar beliau.

Pengalaman dan kemahiran yang diperolehi daripada pendidikan sekular dimanfaatkan dalam kehidupan harian, termasuk dalam mendidik anak dan melakukan sendiri kerja pembaikan di rumah.

Menurut Ustaz Ahmad Muzammil, beliau meraih



KENDALI DUA SYARIKAT: Ustaz Ahmad Muzammil Shukri membuka syarikat Arabic Lab Sg menganjurkan kursus untuk orang dewasa dan syarikat Imtiyaz Services yang mengusahakan projek kebajikan.

kepuasan mengurus syarikat sendiri dan dapat meluangkan masa bermutu bersama keluarga.

Kehidupan di Singapura memang banyak cabaran, termasuk bagi lulusan bidang ukhrawi.

“Kita perlu sesuaikan diri dengan konteks Singapura dan jangan berhenti belajar.”

“Pemerintah sudah sediakan wadah memimba kemahiran hidup menerusi WDSQ – kemahiran mengajar, berniaga, teknologi maklumat dan sebagainya.”

“Kita harus bersedia dan adakan masa mencari ilmu dan ambil kursus yang dapat membantu dalam kehidupan,” ujar beliau lagi.